

PELAN KERETA PERTAMAKU TERMA DAN SYARAT

1. PAKEJ

- i) Pelan Kereta Pertamaku (“Pakej”) ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 196001000142) (“MBB”) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran Syarikat: 200701029411) (“MIB”) (MBB dan MIB hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai “Maybank”). Pakej ini tersedia dalam kemudahan pinjaman/pembiayaan Sewa Beli Konvensional dan Islamik.
- ii) Dengan menyertai Pakej ini, **Peserta Layak** (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini (“Terma dan Syarat”) dan keputusan Maybank.

2. KRITERIA KELAYAKAN BAGI PAKEJ (“Kriteria Kelayakan”)

Pakej ini terbuka kepada pelanggan individu (baharu atau sedia ada) Maybank yang merupakan warganegara Malaysia yang memenuhi kriteria (i) atau (ii):

i) **Siswazah Bekerja***

- a) Sekurang-kurangnya pemegang Ijazah;
- b) Bekerja untuk sekurang-kurangnya 1 bulan dengan gaji minimum sebanyak RM2,500;
- c) Berumur antara 21 - 30 tahun; dan/atau
- d) Bagi mereka yang bekerja kurang daripada 6 bulan, permohonan masih boleh dipertimbangkan jika ibu bapa atau adik-beradik bertindak sebagai penjamin.

* *Profesion yang diutamakan di bawah pakej ini: -*

- *Pegawai Kerajaan;*
- *Guru;*
- *Jururawat; atau*
- *Profesional seperti Akauntan, Jurutera, Juruaudit, Peguam, Arkitek, Doktor dan lain-lain.*

ATAU

ii) **Pelajar Pengajian Tinggi**

- a) Sedang mengikuti program ijazah di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;
- b) Berumur antara 18 - 30 tahun; dan
- c) Ibu bapa atau adik-beradik bertindak sebagai penjamin.

[kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Peserta Layak/Penerima Pajak”]

PELAN KERETA PERTAMAKU TERMA DAN SYARAT

3. BUTIRAN PAKEJ

Jenis Produk	Sewa Beli Konvensional dan Islamik
Kontrak Syariah yang Terpakai	Kontrak Syariah yang terpakai ialah <i>Al-Ijarah Thumma Al-Bai'</i> (AITAB). AITAB ialah kontrak pajakan (<i>Ijarah</i>) yang diikuti dengan kontrak jualan (<i>al Bai'</i>). Pelanggan dilantik sebagai ejen kepada Bank untuk memeriksa, meneliti sehingga memuaskan hatinya dan menerima penghantaran kenderaan bermotor bagi pihak Bank. Di bawah kontrak pajakan, pelanggan memajak aset daripada Bank pada kadar bayaran sewa yang dipersetujui selama tempoh tertentu. Selepas tamat tempoh pajakan, pelanggan mengikat kontrak jualan untuk membeli aset daripada Bank pada harga yang dipersetujui.
Margin Pembiayaan	90%
Tempoh	9 tahun
Kadar Faedah/Sewa	Berdasarkan kadar pasaran lazim semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan pasaran lazim atas budi bicara Maybank.

4. DOKUMEN SOKONGAN UNTUK PERMOHONAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN KERETA

- i) Satu salinan Kad Pengenalan Peserta Layak/Penerima Pajak dan/atau penjamin (jika berkenaan);
- ii) Satu salinan Lesen Memandu Peserta Layak/Penerima Pajak;
- iii) Satu salinan Slip/baucar Gaji dua (2) bulan terkini Peserta Layak/Penerima Pajak dan/atau penjamin (jika berkenaan);
- iv) Satu salinan Penyata EA atau KWSP terkini atau Pengesahan Pekerjaan atau Penyata Bank/Buku Akaun atau ASB/ASN tiga (3) bulan, sebagaimana yang mungkin diminta oleh Maybank.

Sila hubungi/kunjungi Pusat Pembiayaan Kenderaan Maybank terdekat untuk maklumat lanjut.

5. CIRI & MANFAAT PAKEJ

- i) Pembayaran balik/sewa yang fleksibel dan mampu bayar.
- ii) Pemprosesan dan kelulusan yang cepat tanpa masalah, tertakluk kepada kesempurnaan dokumen.
- iii) Opsyen pembayaran balik/sewa yang mudah dan fleksibel.
- iv) Pilihan wakil penjual di seluruh negara.
- v) Syarat kelayakan usia serendah 18 tahun untuk Pelajar Pengajian Tinggi dan 21 tahun untuk Siswazah.

6. TERMA LAIN

- i) Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada penilaian perlu yang akan dikendalikan oleh Maybank.
- ii) Selain Terma dan Syarat ini, Peserta Layak/Penerima Pajak bersetuju untuk terikat dengan terma dalam borang permohonan, surat tawaran dan/atau surat pemberitahuan dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan permohonan ini.
- iii) Peserta Layak/Penerima Pajak mestilah membaca dan memahami Risalah Pendedahan Produk sebelum membuat permohonan.